



جایزه کمالیہ عدلیہ کی جوہر

JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI JOHOR,
BANGUNAN MAHKAMAH SYARIAH JOHOR,
LOT 259, JALAN ABU BAKAR,
80100 JOHOR BAHRU,
JOHOR DARUL TA'ZIM



Tel. Am : 07-2199000 Faks : 07-2213133 E-mail : tadbirsyariah@johor.gov.my

Ruj. Kami : JKSNJ 600-1/2/6 (14)
Takwim : 12 Rejab 1442
Tarikh : 24 Februari 2021

YA Hakim-hakim Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Johor

YA Hakim-hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Johor

YA Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah Negeri Johor

Tuan-tuan Hakim Mahkamah Rendah Syariah Negeri Johor

Penolong-penolong Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dan Mahkamah Rendah
Syariah Negeri Johor

**ARAHAN AMALAN YAA KETUA HAKIM SYARIE NEGERI JOHOR
BILANGAN 1 TAHUN 2021**

**Pendaftaran Permohonan Kebenaran Berpoligami bagi Anggota Polis Diraja
Malaysia (PDRM), Anggota Tentera Malaysia (ATM) dan Pegawai Penguat
Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim Agensi
Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM)**

Saya ingin menarik perhatian YA/Tuan/Puan untuk menerima pakai Arahan Amalan
berhubung Permohonan Kebenaran Berpoligami Bagi Anggota Polis Diraja Malaysia
(PDRM), Anggota Tentera Malaysia (ATM) Dan Anggota Agensi Penguatkuasaan
Maritim Malaysia (APMM) yang telah diputuskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa
Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor Bil 01/2020 bertarikh pada
06 Ogos 2020 bersamaan 16 Zulhijjah 1441H adalah seperti ketetapan berikut:



1. Bagi Permohonan kebenaran berpoligami yang difailkan oleh Anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) atau Anggota Tentera Malaysia (ATM), Pendaftar hendaklah memastikan bahawa surat kebenaran daripada Pegawai Pemerintah atau Pegawai Memerintah / Ketua Polis Negara telah diperolehi terlebih dahulu sebelum permohonan tersebut boleh didaftarkan.
2. Bagi permohonan kebenaran berpoligami oleh Pegawai Penguat Kuasa Maritim dan Pegawai Lain-Lain Pangkat Penguat Kuasa Maritim Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Pendaftar hendaklah memastikan pengesahan pemakluman Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) telah diperolehi terlebih dahulu melalui borang Permohonan Kebenaran Berpoligami Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang telah lengkap sebelum permohonan tersebut boleh didaftarkan.
3. Arahan Amalan ini hendaklah dibaca bersama dengan Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia No. 2 Tahun 2007, Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia No. 10 Tahun 2011, Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia No. 1 Tahun 2017 dan Arahan Amalan Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia No. 1 Tahun 2019.

Arahan amalan ini berkuatkuasa mulai 1 Mac 2021.



(YAA TUAN MUHAMMAD KHALDUN BIN MOHAMAD SHARIF)

Ketua Hakim Syarie

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Johor

s.k:

1. Penasihat Undang-undang Negeri Johor
2. Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri Johor
3. Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pembangunan Keluarga
4. Pengarah Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Johor
5. Pengarah Jabatan Bantuan Guaman Negeri Johor
6. Presiden Persatuan Peguam Syarie Negeri Johor